

STATUS WANITA : DARI ASPEK AGAMA DAN ADAT

NOOR ESHAH TOM ABDUL WAHAB

SKIM PENYELIDIK MUDA 60/98

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2000

Bab 1

Sinopsis

Kajian ini secara keseluruhannya melihat persepsi agama dan adat tentang status wanita. Walau bagaimanapun, jika diselidiki dengan lebih mendalam, kita akan dapati wanita Islam lebih terjamin status dan kedudukannya di sisi agama kerana Allah telah menetapkan tugas, tanggungjawab dan hak-hak tertentu kepada wanita begitu juga dengan lelaki di dalam al-Quran malahan ia turut dibincangkan oleh hadis Rasulullah. Status wanita turut dibincangkan di dalam agama kristian walaupun penekanan terhadap wanita mungkin tidaklah sejelas yang ditemui di dalam al-Quran. Kitab Injil pada peringkat awalnya memandang rendah terhadap wanita namun akhirnya persepsi ini berubah mengikut faktor peredaran masa dan situasi. Begitu juga dengan adat tradisi yang diajarkan oleh setiap masyarakat yang pastinya ada memperkatakan tentang wanita walaupun tidaklah secara jelas sepertimana yang diterangkan oleh agama Islam mahupun Kristian.